

D482

U B 4 2 3 A A B
MAHATHIR - NIC

KUALA LUMPUR, 15 JULAI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA KERAJAAN SEBENARNYA TIDAK BERHASRAT MENJADIKAN MALAYSIA SEBUAH NEGARA PERINDUSTRIAN BARU (NIC) KERANA MENYEDARI HAKIKAT APABILA MENCAPAI TARAF ITU, NEGARA AKAN DITEKAN OLEH NEGARA-NEGARA YANG MAJU DAN KAYA.

PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN LEBIH MENGUTAMAKAN KEHIDUPAN RAKYAT YANG LEBIH SELESA. DAN BUKANNYA TARAF SEBAGAI SEBUAH NEGARA NIC.

KETIKA BERUCAP PADA PERASMIAN PERSIDANGAN PERWAKILAN TIGA TAHUNAN KE-19 KESATUAN PERKHIDMATAN TEKNIK SEMENANJUNG MALAYSIA (MTSU) DI SINI, BELIAU BERKATA:

+SEBENARNYA KERAJAAN TIDAK BERNIAT MENJADI NIC KERANA SEDAR JIKA NEGARA MENCAPAI TARAF ITU MAKA KITA AKAN DITINDAS SEHINGGA TERBENAM OLEH NEGARA MAJU DAN KAYA.+

MENURUT BELIAU, BIARLAH NEGARA TIDAK JADI NEGARA PERINDUSTRIAN BARU ATAU DIPANGGIL NEGARA KURANG MAJU ASALKAN RAKYAT NEGARA DAPAT HIDUP BAHAGIA KERANA NEGARA AKAN MENGHADAPI MASALAH YANG AMAT BESAR JIKA MENJADI NIC. -- LAGI

1930MST 13 07 89

D483

U B 4 2 4 A A B
MAHATHIR - NIC 2 KUALA LUMPUR

APABILA MENCAPAI TARAF ITU, NEGARA AKAN JUGA KEHILANGAN KEMUDAHAN DAN FAEDAH YANG KINI DIDINIKMATINYA SEBAGAI SEBUAH NEGARA MEMBANGUN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PERKATAAN NIC KINI BEGITU POPULAR SEHINGGA RAMAI AHLI EKONOMI, KESATUAN SEKERJA DAN PEGAWAI KERAJAN YANG MENYEBUT MENGENAI KEINGINAN MALAYSIA MENJADI SEBUAH NEGARA PERINDUSTRIAN BARU IAITU TARAF YANG AGAK TINGGI SAMA SEPERTI KOREA SELATAN, TAIWAN, HONG KONG DAN SINGAPURA.

KATA BELIAU, JIKA MENCAPAI TARAF ITU, NEGARA-NEGARA MAJU AKAN MEMAKSA NILAI MATAWANG NEGARA DINAikkan SEHINGGA SEGALA KELUARAN NEGARA TIDAK DAPAT BERSAING DENGAN KELUARAN MEREKA, MEMAKSA SUPAYA DIKURANGKAN EKSPORT DAN MENYEKAT SEGALA GALAKAN KERAJAAN KEPADA MANA-MANA PIHAK.

+PENDEK KATA MEREKA AKAN BERUSAHA SUPAYA KITA TIDAK DAPAT MENGANGKAT KEPALA, JAUH SEKALI DARIPADA MENJADI NEGARA MAJU.+

+KITA HARUS INGAT BAHAWA WALAUPUN BERCAKAP MENGENAI NIAT MALAYSIA UNTUK MENJADI NEGARA YANG MEMBANGUN TETAPI APABILA KITA BANGUN MEREKA AKAN MENYEKAT KITA SUPAYA TIDAK MEMBANGUN,+ KATANYA.

-- LAGI

1933MST 15 07 89

D492

U B430 AAB
MAHATHIR - NIC 3 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI JUGA MENGINGATKAN SEMUA PIHAK TERUTAMA KALANGAN WARTAWAN SUPAYA JANGAN +TERGILA-GILA+ MENONJOLKAN KEINGINAN UNTUK MENJADI NEGARA PERINDUSTRIAN BARU.

MENGENAI TUNTUTAN (PELARASAN GAJI DAN SYARAT-SYARAT PERKHIDMATAN LEBIH BAIK) KESATUAN-KESATUAN SEKERJA TERHADAP KERAJAAN? DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, BELIAU PERLU MENGAMBIL KIRA KEPENTINGAN SELURUH RAKYAT DAN NEGARA SEMASA MEMBUAT SESUATU KEPUTUSAN BERHUBUNG DENGAN TUNTUTAN-TUNTUTAN ITU.

KATANYA, MESKIPUN SEBAGAI AHLI POLITIK BELIAU MEMERLUKAN SEBERAPA BANYAK SOKONGAN DARIPADA RAKYAT, BELIAU TIDAK BERHAK MEMBUAT KEPUTUSAN SESUKA HATI KERANA KESANNYA BUKAN SAHAJA DIPIKUL OLEH BELIAU SAHAJA MALAH MELIBATKAN RAKYAT DAN NEGARA.

+PERTIMBANGAN BAGI SESUATU KEPUTUSAN TIDAK SEHARUSNYA BERDASARKAN KEPADA POPULARITI DAN KEDUDUKAN TETAPI TERHADAP KESAN, YANG TIMBUL DARIPADA KEPUTUSAN ITU,+ KATANYA.

MENURUTNYA, SUNGGUHPUN AMALAN DEMOKRASI MEMENTINGKAN SOKONGAN MAJORITI RAKYAT TERMASUK PETANI, NELAYAN DAN PEKERJA TETAPI BELIAU TIDAK BOLEH MEMBUAT KEPUTUSAN BERDASARKAN POPULARITI SEMATA-MATA UNTUK MENGEKALKAN KEDUDUKAN BELIAU. -- LAGI

1957MST 15 07 89

D493

U B431 AAB
MAHATHIR - NIC 4 KUALA LUMPUR

BERHUBUNG DENGAN USAHA KERAJAAN UNTUK MEMESATKAN PEMBANGUNAN EKONOMI NEGARA, BELIAU BERKATA, KERAJAAN AKAN TERUS MEMBERI GALAKAN KEPADA SEKTOR SWASTA UNTUK MEWUJUDKAN SEBERAPA BANYAK PEKERJAAN.

PERDANA MENTERI BERKATA PERUBAHAN EKONOMI KE ARAH PERINDUSTRIAN YANG LEBIH PESAT MEMERLUKAN TAMBAHAN TENAGA KERJA DALAM BEBERAPA BIDANG TERTENTU, TERUTAMA KEJURUTERAAN, TEKNIKAL, PENGURUSAN DAN BIDANG KEMAHIRAN TERTINGGI.

KERAJAAN TELAH MENYELARASKAN SISTEM PENDIDIKAN DAN LATIHAN DARIPADA PERINGKAT SEKOLAH MENENGAH UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN ITU, KATANYA DAN MENAMBAH KATA BAHAWA SETAKAT INI LE.PASAN SISTEM PENDIDIKAN DAN LATIHAN KERAJAAN TELAH DAPAT MEMENUHI KEPERLUAN ITU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BIMBANG TERHADAP MASALAH PENGANGGURAN DI KALANGAN PENDUDUK TEMPATAN MESKIPUN BANYAK PELUANG PEKERJAAN DIWUJUDKAN EKORAN USAHA KERAJAAN MEMBERI GALAKAN KEPADA PARA PELABUR DALAM BIDANG INDUSTRI.

KATANYA, BILANGAN PENDUDUK YANG MENGANGGUR SEPATUTNYA MULA BERKURANGAN MEMANDANGKAN BANYAK IKLAN MENGENAI PELUANG PEKERJAAN DISIARKAN MELALUI AKHBAR-AKHBAR SETIAP HARI, -- LAGI

1959MST 15 07 89

0499

U 8434 AAB
MAHATHIR - NIC 5 KUALA LUMPUR

MENURUT PERDANA MENTERI, PENGANGGURAN MASIH MENJADI KETARA KERANA RAMAI YANG TERLALU MEMILIH KERJA ATAU HEMILIH TEMPAT UNTUK BEKERJA DAN TIDAK SANGGUP MENINGGALKAN KAMPUNG HALAMAN UNTUK Mencari PEKERJAAN.

KETIKA BERUCAP SEBELUM ITU, PRESIDEN MTSU, ENCIK ALIAS MOHD ALI MENGGESA KERAJAAN MEMPERLUASKAN KEMUDAHAN KEMAHIRAN BAGI KAKITANGAN TEKNIKAL DALAM USAHA MEMBANGUNKAN NEGARA INI.

PERDANA MENTERI KEMUDIAN MENYAMPAIKAN PINGAT EMAS DAN SIJIL PENGHARGAAN KEPADA SETIAUSAHA AGUNG MTSU YANG AKAN BERSARA ENCIK A. RAGUNATHAN SEBAGAI MENGENANG JASA BELIAU DALAM KESATUAN SEKERJA.

YANG TURUT HADIR PADA MAJLIS ITU IALAH PRESIDEN CUEPACS, ENCIK MOHAMAD ABAS DAN PRESIDEN KONGRES KESATUAN SEKERJA MALAYSIA (MTUC), ENCIK ZAINAL RAMPAK. -- BERNAMA

2011MST 15 07 89